



# Penjawat awam lebih 5 tahun di kaunter akan ditukar

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meneliti dan melaksanakan pusingan kerja ke atas semua penjawat awam yang berkhidmat lebih lima tahun di kaunter perkhidmatan kerajaan yang disifatkannya sebagai terlalu lama dan tidak bersesuaian. Berikutan itu, pergerakan besar-besaran kakitangan kerajaan bakal berlaku dengan tugasan baharu dan perubahan dalam kerjaya. **Oleh Mohd Iskandar Ibrahim → Nasional 5**

# ‘Penjawat awam kerja di kaunter lebih lima tahun patut ditukarkan’

**JPA diminta laksana proses, pergerakan besar-besaran masa terdekat**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meneliti dan melaksanakan pusingan kerja ke atas semua penjawat awam yang berkhidmat lebih lima tahun di kaunter perkhidmatan.

“Saya mohon JPA, tengok semua kakitangan, pegawai kita yang berkhidmat di kaunter perkhidmatan lebih lima tahun, boleh dibuat pusingan kerja. Kita pastikan kita *rotate* (tukar) ke fungsi lain,” katanya.

Menyifatkan tugas di kaunter selama tempoh itu sebagai terlalu lama, beliau berkata: “Jika kita berkhidmat lebih lima tahun di satu kaunter, kita patut ditukar-

kan dan dibuat proses pusingan kerja kerana lima tahun duduk menjaga kaunter adalah terlalu lama dan tidak bersesuaian”.

Sehubungan itu, Shamsul Azri berkata, pusingan kerja membabitkan petugas di kaunter perkhidmatan kerajaan bakal dilaksanakan dalam tempoh terdekat dan pergerakan besar-besaran penjawat awam bakal berlaku.

“Jika lama sangat di perkhidmatan kaunter, menyebabkan tertekan. Jadi, kita kena bagi tugas baru, perubahan dalam kerjaya,” katanya berucap pada Majlis Amanat KSN Tahun 2025 yang turut dihadiri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, di sini semalam.

#### **Proses berkara normal**

Ditanya sama ada akan ada pekeliling khas dikeluarkan berkaitan proses pusingan kerja berkenaan, Shamsul Azri menjawab, ia tidak perlu kerana proses pusingan kerja adalah perkara normal dalam perkhidmatan awam.

Ogos lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan ketua jabatan kerajaan melaksanakan pusingan kerja kakitangan masing-masing secara berterusan bagi mengelak salah laku dalam

kalangan penjawat awam.

Perdana Menteri menambah, JPA sedang mengkaji kebolehlaksanaan dasar kompetensi perjawatan bagi memastikan kenakan pangkat dan penempatan pegawai berpadanan dengan kompetensi perjawatan.

Pada Oktober selepas itu, Wan Ahmad Dahlan pula menjelaskan, pertukaran penjawat awam dari organisasi ke organisasi lain bukannya disebabkan terbabit dengan integriti, sebaliknya membantu kemajuan kerjaya.

Dalam perkembangan lain, Shamsul Azri mengingatkan semua penjawat awam, khususnya ketua jabatan atau unit supaya mengurangkan lawatan bersifat *ceremonial* atau yang sudah dijadualkan, sebaliknya buat secara mengejut.

“Saya ingin berpesan, apabila pegawai kerajaan membuat lawatan, kita kena kurangkan lawatan bersifat *ceremonial*. Apabila kita melakukan lawatan seperti itu, banyak perkara kita tak nampak, jadi buatlah lawatan mengejut kerana kita akan menemui banyak perkara,” katanya.

Mengenai inisiatif digital negara, MyDigital ID, beliau melihat ia berjalan perlahan dan tidak memuaskan.



Shamsul Azri melancarkan buku garis panduan perkhidmatan awam 2025 pada Majlis Amanat KSN Tahun 2025 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)